

Petisyen calonkan Tun Mahathir terima Hadiah Nobel Keamanan
Astro Awani
27 Mei 2018
Siti Nursyazwani

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad sekali lagi menjadi tumpuan petisyen apabila petisyen dalam talian melobi Tun Mahathir dicalonkan bagi Hadiah Nobel Keamanan tahun ini.

Menerusi petisyen dalam talian Change.org yang membandingkan Tun Mahathir dengan pejuang revolusi anti-apartheid oleh tokoh Afrika Selatan, Nelson Mandela telah dilancarkan semalam dan sejak itu petisyen tersebut telah menerima lebih 50,000 tandatangan sehingga kini.

Menurut pengasas petisyen itu, Alexandria Abishegam, petisyen yang ditujukan kepada Yayasan Nobel ini mahu Tun Mahathir dicalonkan untuk menerima Hadiah Nobel Keamanan sebagai satu pengiktirafan terhadap semangat beliau yang kembali ke dunia politik pada usia 92 tahun.

Beliau turut mengetepikan prasangka politiknya untuk bekerjasama dengan bekas pengkritiknya demi menyelamatkan negara.

“Tun Dr Mahathir juga secara terbuka mengakui kesilapan beliau dan memohon maaf di atas kesilapan yang lampau membuatkan beliau seorang yang begitu disegani dan seorang pemimpin yang wajar dicontohi,” katanya dalam petisyen tersebut.

Petisyen tersebut boleh ditandatangani dalam talian menerusi laman web [Change.org](https://www.change.org).

Terdahulu, satu petisyen tular di media sosial yang meminta supaya Tun Dr Mahathir meneruskan hasrat sebagai Menteri Pendidikan.

Namun, Tun Mahathir sebelum ini menegaskan beliau tidak akan melanggar

Manifesto Pakatan Harapan (PH) yang menetapkan bahawa Perdana Menteri tidak boleh memegang dua portfolio di dalam Kabinet.

2018Astro Awani Network Sdn. Bhd.

(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/petisyen-calonkan-tun-mahathir-terima-hadiah-nobel-keamanan-176645>